

'Kita mesti berani bermimpi'

MASIH tekun berkarya?

Masih. Kalau tidak menulis pun saya melakukan aktiviti lain bersangkutan dengan penulisan kreatif selain memberi kuliah Kesusasteraan di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM). Selepas menerima SEA Write Award saya menerbitkan lapan buku antaranya buku bimbingan penulisan kreatif dan antologi puisi.

Selepas kontroversi SEA Write Award sedikit masa lalu saudara seperti menyepi diri?

Lim: Saya fikir tidak, malahan lebih sibuk daripada sebelumnya. Tugas saya lebih rumit dan beraneka. Saya tidak mengingati apa yang orang katakan berkenaan perkara itu. Urusan mengarang dan aktiviti bersangkutan kesusasteraan terlalu banyak sehingga saya pun tidak sempat memikirkan hal yang lepas. Banyak masa digunakan untuk urusan yang lebih berfaedah. Buat masa ini, saya ada tiga manuskrip dalam simpanan; dua puisi, sebuah antologi cerpen.

Ertinya kontroversi tidak menjejaskan saudara?

Ya, untuk apa? Satu panel besar telah menilai dan memilih saya. Mereka penuh kredibiliti. Semua orang tahu, bukan sehari dua saya bergiat dalam kesusasteraan. Hampir tiga dekad lamanya; bertungkus-lumus, jatuh dan bangun, merentasi pelbagai halangan dan ujian. Saya selalunya bangkit semula kerana saya sendiri yang memilih bidang ini. Ada yang mengkritik kerana kononnya saya terlalu muda untuk memenangi anugerah tersebut. Untuk pengetahuan, saya berusia 48 tahun ketika menerima anugerah. Ada penerima jauh lebih muda. Senang saja, jangan ingat apa-apa. Habis cerita. Buku masih banyak belum selesai

LIM SWEE TIN (gambar) bukan nama asing dalam dunia kesusasteraan Melayu moden, khususnya genre puisi. Dilahirkan di Kelantan, Lim mula berkarya sejak 1970 dalam bidang puisi. Sehingga kini Lim menghasilkan lebih 10 kumpulan puisi, memenangi 22 hadiah penulisan dan pada 2000, terpilih menerima anugerah SEA Write Award. Ikuti wawancara ZAINAL BAHAROM dengan Lim Swee Tin yang bertugas sebagai Pensyarah Kesusasteraan Melayu di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM).



ditulis. Manuskrip terbengkalai. Waktu memburu. Saya fikir, mereka melenting hanya kerana jangkaan mereka meleset. Idola tidak terpilih. Itu saja.

Pengisian sepanjang masa itu?

Selepas SEA Write Award, saya ke 'Taipei 2001 International Poetry Reading', Taiwan ROC, baca puisi, bertemu penyair dan berinteraksi dengan mereka. Saya ke Bangkok untuk 'Concerts for the World Peace in Thailand'. Untuk konsert ini, saya dan Rendra saja undangan dari negara Asean. Selain itu, penuh jemputan bentangan kertas kerja, mengendalikan bengkel penulisan kreatif di Singapura dan berceramah Komponen Kesusasteraan Melayu di sekolah seluruh pelosok tanah air. Kebanyakannya daripada Dewan Bahasa dan Pustaka.

Saya diberi kepercayaan dilantik sebagai Penasihat Produksi Istana Budaya, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, juga Penasihat Kualiti Segmen Seni dan Budaya, Radio Televisyen Malaysia dan bermacam-macam lagi. Sememangnya memenatkan. 2003 ini ja-

dual saya ketat sekali.

Ada penulis yang mudah mengalah?

Ada pelbagai kelompok penulis; yang gigih berkarya, suka-suka, menulis seadanya, ikut-ikutan dan seperti yang saudara sebutkan yang mudah mengalah. Kecuali yang pertama itu, yang lain tidak begitu menguntungkan dunia kesusasteraan kita. Kesusasteraan menuntut mereka yang serius. Mengarang itu serius, bukan main-main. Kalau hendak main-main, pilihlah bidang lain.

Penerbitan buku sastera akhir-akhir ini lembap dan tidak membe-rangsangkan?

Musim ini buku popular lebih mendapat perhatian pembaca remaja. Baguslah, sekurang-kurangnya minat membaca masih berkembang subur. Itulah yang kita perjuangkan pun. Buku serius agak gerhana sedikit. Sejarah penerbitan buku di negara kita ada turun naiknya. Kita kena membina khlayak misalnya melalui edisi yang diringkaskan. Penerbitan buku puisi masih

pada tahap konvensional.

Ada pandangan mengatakan kita tidak memerlukan khlayak yang besar tetapi khlayak yang serius.

Kita bercakap berkenaan perkara yang amat subjektif. Kita tahu, masyarakat pembaca terdiri daripada pelbagai lapisan, pelbagai tahap pendidikan, pelbagai keupayaan apresiasi, pelbagai keinginan dan sebagainya. Soal pengarang hendak menulis karya yang bagaimana terserah kepada individu. Saya misalnya, mempunyai cita rasa mahu memasyarakatkan sastera seluas yang boleh kerana saya percaya tanpa pembaca apalah sangat karya sastera. Ini pendirian saya. Maka, saya tulislah puisi yang lebih mesra pembaca. Dalam waktu sama tidak berkompromi dengan estetikanya. Saya rasa puisi yang mudah pun indah. Kita memerlukan kedua jenis khlayak ini. Kalau ada yang hendak mengarang karya yang dia seorang saja yang faham tulislah. Tidak salah.

Hadiah penulisan sudah terlalu klise sekarang dan tidak banyak menyumbang ke arah perkembangan

mutu kesusasteraan. Bagaimana?

Bagi saya, masih perlu. Ada penulis memerlukan rangsangan hadiah seperti ini. Hadiah kadang-kadang juga menjadi kayu pengukur. Ia bersifat mendorong, walaupun kadang-kadang tidak. Ertinya, ia tetap relevan. Akan tetapi, kita memerlukan semacam anjakan paradigma juga. Kita belum ada anugerah hebat seperti di luar negara. Anugerah Karya Tahunan, Anugerah Buku Tahunan, Anugerah Pengarang Tahunan, Anugerah Pengarang Baru, dan seumpamanya yang perlu diperbanyakkan. Berilah nama yang sesuai untuk setiapnya kalau mahu.

Tidakkah nanti bertindan dengan apa yang sedia ada?

Saya melihatnya dalam konteks lengkap melengkap, bukannya bertindan. Ia antara lain membantu memerahkan lagi dunia kesusasteraan kita, disamping mencari karya yang dapat dipertanggungjawabkan.

Konteks globalnya pada pandangan saudara?

Kita boleh mengangkat karya kita ke peringkat antara bangsa melalui penterjemahan. Karya kita kurang diterjemahkan. Kita kurang perancangan yang konkrit. Banyak sangat cakap kosong tetapi keadaan masih di takuk lama juga. Demikian juga dengan Hadiah Nobel. Kita mesti ada impian. Ada orang kata 'Usah mimpilah.' Akan tetapi, saya menjawab 'Kita mesti berani bermimpi.' Kita perlu banyak lakukan tugas sebetulnya. Kita tahu pencalonan Hadiah Nobel dibuat oleh individu berwibawa dari pusat pengajian tinggi, kita usahakanlah. Karya yang dinilai tidak cukup dalam Bahasa Inggeris saja. Panelnya turut membaca

teks karya tersebut dalam terjemahan Arab, Sepanyol, dan Perancis. Semua ini perlu digerakkan.

Pandangan saudara mengenai kewibawaan panel hakim dalam pelbagai peraduan termasuk Hadiah Sastera Perdana?

Saya suka sesuatu yang serius. Saya tidak berminat terhadap desas-desus dan gosip. Saya pernah menjadi panel penilai beberapa peraduan mengarang, bahkan pernah menjadi ketua. Bukan mudah menilai karya dan memilih pemenang. Banyak kriteria yang perlu dipenuhi. Penapisannya mengambil kira pelbagai aspek. Saya tahu ada tohmahan, panel pilih pemenang mendahului karya. Ada panel bersikap prejudis. Hal yang sama berlaku dalam penilaian manuskrip untuk diterbitkan. Saya fikir, kalau benar hal seperti ini berlaku, pihak penganjur atau penerbit perlu mengetepikan peranan mereka kerana mereka tidak akan menyumbangkan apa-apa yang positif kepada kesusasteraan kita, sebaliknya merugi malah merosakkan.

Harapan anda dalam bidang kesusasteraan?

Selagi diberikan kekuatan, saya akan terus berkarya. Ketika pertama saya memasuki arena penulisan kreatif saya menetapkan azam. Saya akan usahakan agar azam itu dapat dicapai. Saya masih mempunyai keyakinan tinggi terhadap kesusasteraan kita. Ada di sana-sini tentunya hal-hal yang kurang menyenangkan. Mana ada dalam dunia ini semua perkara yang sempurna kecuali yang diturunkan Tuhan. Terima sajalah dengan dada lapang, fikiran terbuka dengan kita tidak marah atau mengeluh atau perlu membenci sesiapa.